



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS  
PENGUATKUASAAN MBSP DAN KURSUS ASAS  
PERTAHANAN AWAM SIRI KHAS PENGUATKUASA  
MBSP NEGERI PULAU PINANG

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 OGOS 2022 (JUMAAT)**  
**10.00 PAGI**

### **PADANG KAWAD**

**PEJABAT DAERAH PERTAHANAN AWAM SEBERANG PERAI UTARA**  
**BAGAN JERMAL**  
**BUTTERWORTH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasaan MBSP dan Kursus Asas Pertahanan Awam Siri Khas Penguatkuasa MBSP Negeri Pulau Pinang di Padang Kawad Pejabat Daerah Pertahanan Awam Seberang Perai Utara, Bagan Jermal.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Setia Kolonel (PA) Ishak bin Mohd Radzi, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang dan Ahli Pasukan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang atas kerjasama yang diberikan dalam penganjuran Kursus Asas Penguatkuasa MBSP.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Cawangan Latihan Direktorat Penguatkuasaan MBSP terutamanya pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih yang memberi khidmat bakti bagi menjayakan latihan ini. Terima kasih juga kepada semua anggota penguatkuasa seramai 30

orang yang hadir dalam Latihan Kursus Asas Penguatkuasaan Awam Siri Khas Pengguatkuasa MBSP Negeri Pulau Pinang. Latihan ini telah berlangsung dalam tempoh masa selama 12 hari dari 08 Ogos 2022 hingga 19 Ogos 2022. Tahniah! ianya berjaya diselesaikan.

**Yang Setia, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan efektif mengikut peruntukan undang-undang yang digunakan di MBSP, anggota penguatkuasa perlu mempunyai tahap jati diri yang tinggi, disiplin dan keterampilan diri yang kemas. Pada masa kini tugas sebagai pegawai dan anggota penguatkuasa semakin mencabar dan memerlukan ketahanan mental dan fizikal. Justeru itu saya berharap kursus ini dapat membentuk peribadi pelatih kursus sebagai anggota penguatkuasa Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Kursus ini merupakan Kursus Asas Penguatkuasaan berkaitan disiplin dan peranan penguatkuasa dalam perkhidmatan, peranan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan kursus asas Angkatan Pertahanan Awam dengan harapan pelatih-pelatih dapat melaksanakan tugas yang diberi dengan lebih berkesan.

Latihan ini pertama kali diadakan dengan melibatkan kerjasama antara MBSP dan APM. Ini secara langsung dapat melahirkan semangat kerjasama di antara anggota MBSP dengan APM.

Kursus ini merangkumi modul / ceramah berkaitan latihan disiplin dan integriti; tugas-tugas Warden Trafik; penguatkuasaan letak kereta; penguatkuasaan Binaan Tanpa Kebenaran (BTK); penguatkuasaan Kerja Tanah Tanpa Kebenaran; penguatkuasaan halangan; tatacara sitaan dan lain-lain; penyediaan kertas siasatan; pengurusan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu; Penguatkuasaan Hiburan; pengurusan persepsi; meneliti Pekeliling, Arahan Pentadbiran, Perintah Tetap Direktorat Penguatkuasaan, akta-akta berkaitan PBT, undang-undang kecil dan lain-lain.

Selain itu, latihan fizikal juga diadakan yang melibatkan Latihan Pertolongan Kecemasan dan Latihan Menyelamat Kecemasan; Latihan Melawan Kebakaran; Latihan Jasmani; Latihan Kawad; dan Ilmu Asas Pertahanan Awam.

Latihan yang dilaksanakan ini adalah merupakan latihan yang harus dilalui setiap pegawai penguatkuasa dan anggota penguatkuasa untuk memahami tugas-tugas penguatkuasaan, peranan dan tanggungjawab

seseorang penguatkuasa MBSP. Persiapan dari segi kecergasan fizikal dan mental serta pendedahan kepada tindakan penguatkuasaan seperti Akta dan Undang-Undang Kecil sepanjang kursus merupakan bekalan ilmu bagi memastikan para pelatih bersedia untuk menempuh cabaran yang sebenar semasa menjalankan tugas di luar sana nanti.

**Yang Setia, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kursus ini melibatkan penyertaan 30 orang pelatih yang terdiri dari dua (2) Penolong Pegawai Penguatkuasa (KP29) dan 23 Pembantu Penguatkuasa (KP19) daripada Direktorat Penguatkuasa MBSP; empat (4) Pembantu Penguatkuasa (KP19) daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP; dan seorang Pembantu Penguatkuasa (KP19) daripada Jabatan Pelesenan MBSP.

Adalah diharapkan setelah menghadiri kursus, setiap pelatih kursus ini menjadi anggota penguatkuasa yang berdisiplin, mengetahui cara memberi bantuan menyelamat semasa kecemasan, menanam nilai positif terhadap diri sendiri dan jabatan (MBSP), di samping memperkuatkan semangat kerjasama MBSP dengan APM.

Pelatih-pelatih kursus, sebagai pegawai penguatkuasa MBSP harus ingat bahawa anda semua perlu menunjukkan kesungguhan bekerja keras, membanting tenaga dan kesanggupan melakukan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Tuan-tuan dan puan-puan membawa imej MBSP selaku barisan hadapan yang berpakaian seragam, di mana ketegasan dan tahap profesionalisme selaku penjawat awam perlu dijaga. Bekerjalah semudah “A, B, C” “Amanah, Betul dan Cepat”

### **Yang Setia, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pelatih yang telah dipilih menyertai kursus ini dengan cemerlang. Di samping itu juga, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang yang menyediakan segala kemudahan dalam pelaksanaan kursus ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Cawangan Latihan Direktorat Penguatkuasaan, MBSP serta semua pihak yang bersama-sama menjayakan Latihan Kursus Asas Penguatkuasaan Awam Siri Khas Pengguatkuasa MBSP Negeri Pulau Pinang.

Saya dengan lafaz ***Bismillarhirrahmanirrahim***, merasmikan Majlis  
Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasaan MBSP dan Kursus Asas  
Pertahanan Awam Siri Khas Penguatkuasa MBSP Negeri Pulau Pinang.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima Kasih.**